

# GLC rugi diberi masa pulih kewangan – PM

**KUALA LUMPUR** 8 Dis. – Syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) yang masih belum mencatatkan keuntungan akan diberi lebih banyak masa untuk memulihkan kewangan mereka, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, GLC-GLC berkenaan perlu diberikan peluang memandangkan setiap organisasi menghadapi masalah berlainan yang memerlukan pendekatan berbeza bagi menanganiinya.

"Kita beri masa kerana lain syarikat, lain masalah yang dihadapi dan lain kaedah pengurusan diguna oleh peneraju syarikat."

"Kita kena pastikan kita lakukan apa yang boleh terlebih dulu," katanya.

Beliau yang juga Menteri Kewangan bercakap kepada pemberita selepas pembentangan Laporan Terkini Perkembangan Program Transformasi GLC oleh Khazanah Nasional Bhd, di sini hari ini.

Pada majlis tersebut, Abdullah turut melancarkan dua buah buku berkaitan inisiatif GLC iaitu *Buku Ungu* dan *Buku Jingga*, masing-masing mengenai Amalan Mengoptimumkan Pengurusan Modal dan Amalan Mengukuhkan Pengurusan Modal.

Perdana Menteri ditanya tindakan kerajaan terhadap GLC yang masih mencatat kerugian, terutamanya Proton Holdings Bhd.

"Percayalah, kita mahukan Proton berjaya," kata beliau.

Proton dalam suku kedua yang berakhir pada 30 September lalu mencatatkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM240.5 juta di atas perolehan sebanyak RM1.27 bilion.

Menurut Proton, kerugian itu adalah disebabkan persekitaran pasaran lembap dan persaingan yang sengit.

Abdullah berkata, kerajaan tidak percaya pada konsep sebuah GLC dibiarakan gagal demi memastikan yang lain berjaya, sebaliknya mahu peneraju GLC berusaha

**Kita beri masa kerana lain syarikat, lain masalah yang dihadapi dan lain kaedah pengurusan diguna oleh peneraju syarikat**

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri



**ABDULLAH** Ahmad Badawi bergambar bersama (dari kiri) Pengurus Tabung Haji, Tan Sri Zainol Mahmood; Pengurus PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid; Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop; Pengurus KWSP, Tan Sri Abdul Halim Ali dan Ketua Pegawai Eksekutif Khazanah Nasional Bhd., Datuk Azman Mokhtar pada majlis pelancaran Fasa Kedua Program Transformasi GLC dan Pelancaran Buku Ungu dan Buku Jingga di Kuala Lumpur, semalam.

sedaya upaya terlebih dulu.

Kepada satu soalan, Abdullah berkata, kerajaan hanya akan mengurangkan kepentingan ekuitinya dalam GLC apabila tiba masanya nanti.

"Bila masanya untuk mengurangkannya (ekuiti), kita akan kurangkan."

"Saya selalu berpandangan yang kita

(kerajaan) tidak perlu ekuiti terlalu besar dalam banyak syarikat," katanya.

Mengenai keimbangan sesetengah penganalisis ekonomi bahawa Malaysia sukar mencatat pertumbuhan sebanyak 6 peratus tahun ini, Abdullah berkata; "Ia sukar hendak dijangka tetapi kita akan bekerja kuat."

"Kita tidak tahu apa akan terjadi di dunia pada tahun depan, dolar Amerika Syarikat (AS) lemah sekarang dan kita maklum AS adalah rakan dagang utama kita."

"Tetapi kita tahu kita boleh merangka strategi, bersedia menyesuaikan diri dengan perubahan semasa," kata beliau.